

**JOURNAL OF INFORMATION
SYSTEM AND TECHNOLOGY
MANAGEMENT (JISTM)**www.jistm.com**KEBERKESANAN LAMAN WEB ULPL@POLINILAI:
PENGURUSAN MAKLUMAT LATIHAN DAN
PEMBANGUNAN PENGURUSAN KAKITANGAN*****EFFECTIVENESS OF ULPL@POLINILAI WEBSITE: INFORMATION
MANAGEMENT OF TRAINING AND DEVELOPMENT STAFF***Atiqah Sani^{1*}, Norhafizah Suhad², Noor Azlina Ahmad³¹ Department of Commerce, Politeknik Nilai, MalaysiaEmail: atiqah.sani@polinilai.edu.my² Unit of Training and Continuous Education, Politeknik Nilai, MalaysiaEmail: norhafizah@polinilai.edu.my³ Department of Mechanical Engineering, Politeknik Nilai, MalaysiaEmail: azlina_ahmad@polinilai.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 24.10.2024

Revised date: 10.11.2024

Accepted date: 18.12.2024

Published date: 30.12.2024

To cite this document:

Sani, A., Suhad, N., & Ahmad, N. A. (2024). Keberkesanan Laman Web Ulpl@Polinilai: Pengurusan Maklumat Latihan Dan Pembangunan Pengurusan Kakitangan. *Journal of Information System and Technology Management*, 9 (37), 317-329.

DOI: 10.35631/JISTM.937024

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Latihan dan pengurusan pembangunan kakitangan yang berterusan adalah penting untuk mengekalkan kelebihan daya saing dalam persekitaran kerja. Ia juga dapat meningkatkan kecekapan serta kepuasan kerja kakitangan. Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan merupakan unit di bawah bahagian sokongan akademik yang bertanggungjawab untuk menganjurkan Kursus Dalam Perkhidmatan, merancang dan mengurus program Pembelajaran Sepanjang Hayat serta mengurus kemudahan pengurusan di ULPL. Pembangunan laman web maklumat latihan dan pembangunan kakitangan ini dibangunkan untuk membantu menyediakan maklumat yang komprehensif dan teratur merangkumi pengurusan latihan, kemudahan dan perkhidmatan diberikan. Objektif bagi penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti tahap keberkesanan laman web ULPL@POLINILAI melalui persepsi kebergunaan dan persepsi kemudahan penggunaan laman web. Kajian ini berdasarkan sumber utama dan menggunakan teknik persampelan bertujuan yang memfokuskan kepada pengguna perkhidmatan ULPL dari November 2023 hingga Mac 2024. Hasil kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for The Social Sciences 25.0 bagi memenuhi objektif kajian. Dapatan menunjukkan keberkesanan laman web melalui persepsi kebergunaan dan persepsi kemudahan pada tahap tinggi. Ia mendapati laman web ULPL@POLINILAI berkesan untuk pengurusan kursus dalaman dan luaran, pengurusan PSH, dan

	pengurusan kemudahan. Ia juga sejajar dengan kemajuan teknologi semasa dengan laman web ini lebih mudah dalam kebolehcapaian maklumat kepada kakitangan. Kata Kunci: Laman Web, Latihan, Pengurusan Maklumat, Teknologi, Unit Latihan Abstract: Ongoing training and management of staff development is essential to maintaining a competitive edge in the work environment. It can also increase the efficiency and job satisfaction of staff. The Training & Continuous Education Unit is under the academic support division responsible for organizing In-Service Courses, planning and managing Lifelong Learning programs, and managing management facilities at ULPL. The development of this training and staff development information website was developed to help provide comprehensive and organized information covering training management, facilities, and services provided. The objective of this research is to identify the level of effectiveness of the ULPL@POLINILAI website through the perception of usefulness and the perception of ease of use of the website. This study is based on primary sources and uses a purposive sampling technique that focuses on ULPL service users from November 2023 to March 2024. The results of the study are analyzed using Statistical Packages for The Social Sciences 25.0 software to meet the objectives of the study. Findings show the effectiveness of the website through the perception of usefulness and the perception of convenience at a high level. It found the ULPL@POLINILAI website effective for internal and external course management, PSH management, and facility management. It is also in line with current technological advances with the website being easier in the accessibility of information to staff. Keywords: Website, Training, Information Management, Technology, Education Unit
--	--

Pengenalan

Latihan dan pembangunan pengurusan kakitangan adalah fungsi kritikal dalam setiap organisasi, ianya bukan sahaja melibatkan prestasi kerja tetapi juga kepuasan serta motivasi pekerja. Latihan ditakrifkan sebagai tindakan khusus yang dibangunkan oleh organisasi untuk menyediakan pembelajaran dan peluang penambahbaikan kepada pekerja manakala pembangunan pula ditakrifkan sebagai tindakan yang lebih menyeluruh dan berterusan dalam pembangunan kemahiran pekerja. (Kaizer et al., 2020). Singh & Kumar (2023), turut menyimpulkan latihan dan pembangunan kakitangan adalah menyediakan individu dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab pekerjaan dengan berkesan, serta memfokuskan peningkatan keupayaan dan potensi pekerjaan pada masa depan.

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) adalah satu unit di bawah sokongan akademik yang bertanggungjawab untuk mengelolakan kursus-kursus dalam perkhidmatan (KUDAP) bagi semua kakitangan Politeknik Nilai (PNS), perancangan dan pengurusan program di bawah pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dan pengurusan fasiliti yang terdapat di ULPL. ULPL

secara khususnya, merancang, menyelaraskan, mengurus dan melaksanakan program-program latihan staf secara dalaman dan luaran anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Pengurusan maklumat ULPL secara asanya dilaksanakan melalui proses manual, yang melibatkan pengurusan secara fizikal. Kaedah konvensional ini menjadi semakin tidak cekap dan tidak mampan dalam era digital kerana masa yang panjang diambil dan kurang produktiviti. Pembangunan kerjaya pekerja turut terkesan sekiranya kekurangan latihan dan peluang pembangunan pekerja (Niati et al., 2021). Kajian oleh Afridah & Muhlisah Lubis (2024) bahawa terdapat banyak organisasi masih menggunakan kaedah tradisional untuk melaksanakan latihan dan tidak dapat menyampaikan maklumat dengan tepat dan pantas telah mengakibatkan reaksi negatif kepada pekerja. Landskap teknologi yang berkembang pesat, organisasi perlu mengutamakan latihan kakitangan, pembangunan dan komunikasi yang berkesan untuk kekal berdaya saing. Komunikasi bekesan berfungsi sebagai alat penting untuk menyebarkan maklumat, memupuk pemahaman, dan menggalakkan kerjasama antara pekerja (Sicilia & Palazón, 2023). Dengan ini, laman web ULPL@POLINILAI dibangunkan daripada pengurusan latihan dan pembangunan kakitangan secara sistem manual kepada platform berasaskan laman web.

Untuk menangani cabaran ini, pihak ULPL merancang untuk mengalihkan program latihan kakitangan daripada sistem manual kepada platform berasaskan laman web. Peralihan ini bertujuan untuk menyelaraskan perancangan, pengurusan dan pelaksanaan program latihan serta menjadikannya lebih mudah diakses. Di samping itu Megananda (2023) menyatakan, penggunaan teknologi bukan sahaja memudahkan akses maklumat tetapi juga membantu dalam pengoperasian dan berkomunikasi. Selain itu, sistem maklumat berpusat ini untuk memastikan semua pekerja menerima maklumat yang seragam dan meningkatkan komunikasi keseluruhan dalam organisasi. Walaubagaimanapun keberkesanan laman web ULPL@POLINILAI ini bergantung pada sejauh mana teknologi itu diterima pakai dan digunakan oleh pengguna perkhidmatan ULPL. Pengaruh perkembangan teknologi ini memerlukan perubahan dalam kemahiran serta perlu menyesuaikan dengan tindakan untuk menyokong tenaga kerja (van Beurden et al., 2024). Dengan ini penyelidikan ini dibuat untuk melihat keberkesanan laman web ULPL@POLINILAI dengan menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM) untuk melihat tahap persepsi kebergunaan dan kemudahan penggunaan laman web. Kajian ini dimulakan dengan pengenalan terhadap laman web dan Model TAM. Diikuti dengan objektif kajian dan methodology yang digunakan di dalam kajian ini. Diakhir sekali disuruti dapatan dan perbincangan, kesimpulan dan rujukan bagi kajian ini.

Latihan dan Pembangunan Pekerja

Latihan dan pembangunan merupakan salah satu fungsi sumber manusia yang berperanan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pekerja sesebuah organisasi serta menekankan peningkatan prestasi pekerja dan kumpulan di tempat kerja (Oyewole Oluwaseun, 2020). Dalam mencapai matlamat dan objektif syarikat, latihan organisasi perlu dirancang bagi tujuan untuk penambahbaikan, meningkatkan kemahiran, dan pengetahuan pekerja dalam melaksanakan kerja (Gutterman, 2023). Ekhsan, M. et al., (2020) turut menyatakan antara elemen yang mempengaruhi prestasi pekerja di tempat kerja ialah pendidikan dan latihan, ianya boleh meningkatkan pengetahuan dan kebolehan sedia ada mereka. Menurut Gutterman (2023), matlamat program latihan dan pembangunan pekerja adalah untuk memupuk kesetiaan pekerja serta maju dalam kerjaya dan mampu memikul tanggungjawab yang lebih besar dan menyumbang lebih banyak kepada organisasi.

Perubahan dunia moden kini, teknologi maklumat membantu latihan dan pembangunan pekerja dalam memudahkan untuk mendapatkan maklumat, memberi peluang rangkaian profesional, peluang pembelajaran jarak jauh dan meningkatkan produktiviti dengan latihan yang diberikan. Ia memudahkan pihak sumber manusia organisasi untuk meningkatkan tahap pengalaman, meluaskan pengetahuan, mencipta rangkaian profesional dan menambah baik peluang pekerjaan pekerja (Agustian et al., 2023). Selain itu, latihan dan pembangunan pekerja menggunakan teknologi dapat meningkatkan komunikasi dalaman melalui platform digital bersepadu, mengendalikan data pekerja dengan lebih efektif, serta menyediakan latihan dan pembangunan berfokuskan pekerja (Zhang & Chen, 2024). Huang (2020) juga menyatakan apabila fungsi latihan dan pembangunan didigitalkan, ianya akan menfokuskan pekerja secara individu tentang keperluan latihan dan pembangunan kakitangan.

Laman Web

Di dalam era digital kini, laman web memainkan peranan penting dalam kejayaan perniagaan dan organisasi. Ia berfungsi sebagai antara platform digital untuk menyediakan maklumat, perkhidmatan dan platform untuk berinteraksi. Laman web juga merupakan komunikasi berasaskan internet yang amat diperlukan oleh organisasi dalam menyampaikan maklumat (Bach, 2019). Herring (2020) memberi tafsiran laman web adalah sistem penghantaran kandungan yang terdiri daripada teks, visual, pautan, elemen reka bentuk, bunyi, animasi, dan video. Setiap laman web dibangunkan berdasarkan keperluan organisasi dan matlamat yang ingin dicapai. Integrasi teknologi reka bentuk laman web merujuk kepada proses menggabungkan teknologi dan teknik digital dalam penciptaan aplikasi berasaskan web untuk menyampaikan pengalaman kepada pengguna. Ini melibatkan penggunaan teknik seperti reka bentuk web responsif, interaktif, kandungan, dan kemas kini berterusan untuk menyediakan maklumat berkualiti tinggi, kemudahan penggunaan dan reka bentuk yang menarik serta mesra pengguna (Parlakkiliç, 2022).

Peranan kebolegunaan laman web adalah memastikan keperluan kualiti terjamin diantara laman web sebagai pengantara dengan pengguna (Xusen, 2019). Kebolegunaan laman web juga menekankan kejelasan dan kebolehcapaian maklumat, bukan sahaja memudahkan pengguna menggunakan laman web tetapi juga ianya untuk saluran maklumat yang tepat. (Srisathan et al., 2024), juga dalam kajiannya membincangkan kualiti laman web yang boleh dikaitkan dengan perkongsian maklumat yang menekankan ketepatan maklumat, ketepatan masa dan kegunaan maklumat yang dikongsi. Menurut Law (2019) laman web mempunyai keupayaan sehingga ke tahap sistem dapat digunakan oleh pengguna untuk mencapai matlamat yang diperlukan dengan cekap, berkesan dan memberi kepuasan kepada pengguna. Keberkesanan laman web ini adalah penting dari segi kebolegunaan kerana ia memberi kesan secara langsung kepada pengalaman pengguna, penglibatan, dan akhirnya, pencapaian objektif perniagaan.

Elemen laman web ULPL@POLINILAI


Rajah 1, menunjukkan laman utama laman web ULPL@POLINILAI. Terdapat dua elemen penting di dalam laman web ULPL@POLINILAI didalam mengurus maklumat latihan dan pembangunan pengurusan kakitangan iaitu:



Rajah 1: Laman Utama Laman ULPL@POLINILAI

Latihan Dan Pembangunan Kakitangan


Reka bentuk pengajaran dipertingkatkan dengan teknologi, kandungan latihan dan mod pelaksanaan yang optimum cenderung untuk keperluan terkini. Latihan berasaskan web yang merupakan satu koleksi maklumat dalam bentuk laman web dengan capaian internet yang memudahkan proses pembelajaran. Pembangunan web dalam latihan juga menyumbang kepada keperluan latihan dan akhirnya mampu meningkatkan motivasi kakitangan (Serevina & Meyputri, 2021). Zadeh et al. (2020) dalam perbincangannya menyatakan hasil pembelajaran dapat dipertingkatkan melalui platform digital moden, Shao et al. (2017) juga menyokong gaya yang menggalakkan pembelajaran berterusan dengan penggunaan laman web.



Rajah 2: Laman Pengurusan Kursus ULPL@POLINILAI

Tempahan Fasilitas


Sistem tempahan telah berkembang kini dengan menggunakan teknologi dalam penyimpanan maklumat dan kemudahan komunikasi (Foris et al., 2020). Fungsi di dalam sistem tempahan antaranya tempahan fasiliti, pengesahan fasiliti melalui e-mel dan jadual tempahan fasiliti. Pentadbir sistem, melaksanakan pelbagai fungsi seperti mengurus pendaftaran, menghantar pengesahan e-mel, menyediakan jadual ketersediaan fasiliti, menjana laporan tempahan fasiliti, statistik tempahan dan penggunaan kemudahan (Ab Ghani et al., 2020). Rajah 3, menunjukkan laman tempahan fasiliti ULPL@POLINILAI.



Rajah 3: Laman Tempahan Fasilitas ULPL@POLINILAI

Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Model Penerimaan Teknologi (TAM) yang diperkenalkan pada tahun 1986 merupakan salah satu model yang digunakan dalam bidang sistem maklumat (Lattu, 2022). Terdapat dua matlamat penting dalam model ini, ialah memahami proses penerimaan teknologi dan untuk melihat penerimaan pengguna dan menilai sistem yang dicadangkan sebelum pelaksanaan sebenar. Penerimaan teknologi diperolehi daripada sikap seseorang terhadap penggunaan sistem, yang seterusnya ditentukan oleh dua persepsi iaitu kebergunaan dan kemudahan penggunaan (Cheah et al., 2023). Pengukuran skala dalam model TAM ditunjukkan seperti Rajah 4.



Rajah 4: Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Persepsi Kebergunaan

Persepsi kebergunaan boleh ditakrifkan sebagai tahap di mana seseorang percaya bahawa menggunakan sistem tertentu akan meningkatkan prestasi kerjanya (Davis, 1989). (Cheah et al., 2023) turut berpendapat kepercayaan menggunakan teknologi akan meningkatkan prestasi individu sehingga membantu proses membuat keputusan. Ia juga diterjemahkan dalam memberi kemudahan serta ianya berguna dalam melaksanakan sesuatu kerja. Kebergunaan ini juga boleh dimaksudkan dengan faedah yang akan didapati. Iaitu sejauh mana persepsi bahawa penggunaan teknologi akan meningkatkan prestasi di tempat kerja.

Persepsi Kemudahan

(Davis, 1989) mendefinisikan, pembolehubah persepsi kemudahan yang menunjukkan penerimaan dan penggunaan teknologi maklumat tertentu (teknologi komputer, perkhidmatan, dan perisian). Ia juga di mana seseorang atau individu menggunakan sistem teknologi dengan mudah. Menurut Widanengsih et al. (2021) persepsi kemudahan ini didefinisikan sebagai sejauh mana seseorang percaya bahawa sesuatu teknologi mudah digunakan, dipelajari dan juga mudah dikendalikan. (Cheah et al., 2023) juga berpendapat dengan pendapat yang sama iaitu persepsi kebergunaan mudah dipelajari, jelas, mudah difahami, mudah digunakan dan mudah menjadi mahir. Persepsi kemudahan juga boleh dikawal serta fleksibel.

Masalah Kajian

Program latihan dan pembangunan patut diberi perhatian dengan cara ia dirancang dan ditawarkan, kerana ianya adalah sebagai pengurusan kakitangan yang memerlukan perancang yang teliti. Oleh itu, ketidakcekapan dalam pengurusan latihan dan pembangunan akan menyukarkan penilaian keperluan, perancangan dan pelaksanaan tindakan pengajaran dan penilaian (Kaizer et al., 2020). Sebelum kewujudan laman web khusus untuk menguruskan program latihan kakitangan di Politeknik Nilai, penyelarasan dan pentadbiran aktiviti ini ianya dijalankan secara manual. Kekurangan sistem yang berpusat menyukarkan dalam kemas kini dan perubahan kepada jadual dan bahan latihan dengan tidak disebarkan secara seragam. Ia mengakibatkan jurang dalam komunikasi dan potensi kelewatan dalam proses latihan.

Namdev et al. (2021) menyatakan, penggunaan panggilan telefon untuk membuat temu janji akan menghadapi kesulitan dan menyukarkan pengguna. Pendekatan konservatif ini juga digunakan di Politeknik Nilai, menyebabkan beberapa ketidakcekapan dan cabaran berlaku diantaranya ialah masalah maklumat hilang dan salah merekodkan maklumat. Selain itu Namdev et al. (2021) turut membincangkan, tempahan mengikut cara tradisional memerlukan tenaga kerja untuk melaksanakannya untuk menguruskan jadual temu janji, ini berpotensi meningkatkan kos operasi seperti gaji lebih masa atau keperluan untuk membawa pekerja tambahan untuk menguruskan proses tempahan. Ini turut berlaku di Politeknik Nilai iaitu ketidakcukupan kakitangan pengurusan dan perkhidmatan kaunter memburukkan lagi isu ini. Ianya menyebabkan kekurangan kesinambungan dan akauntabiliti, menjadikan tempahan penggunaan kemudahan latihan kurang sistematik. Turut mengakibatkan tempahan berganda, perekodan dan sistem failan yang tidak sistematik, sesi latihan terlepas dan sumber yang kurang digunakan, akhirnya menjejaskan kecekapan dan keberkesanan keseluruhan program latihan.

Pendekatan yang tidak teratur ini menekankan keperluan untuk sistem yang lebih tersusun dan boleh dipercayai. Ia mendorong pembangunan sistem pengurusan dalam talian yang boleh diakses oleh semua pihak berkepentingan pada bila-bila masa dan dari mana-mana sahaja. Sistem ini akan memusatkan semua maklumat berkaitan latihan, memperkemas komunikasi,

dan menyediakan kemas kini masa nyata, memastikan proses yang lebih cekap dan sistematik untuk merancang, menyelaraskan, mengurus dan melaksanakan program latihan kakitangan. Pengenalan sistem pengurusan berasaskan laman web ini bertujuan untuk menangani kelemahan yang dikenal pasti, meningkatkan kecekapan operasi, dan menambah baik pengalaman latihan keseluruhan kakitangan.

Objektif Kajian

Bagi memastikan tujuan kajian ini dapat dicapai, objektif kajian berikut telah digubal:

1. Mengenal pasti tahap persepsi kegunaan laman web ULPL@polinilai dalam pengurusan maklumat latihan dan pembangunan kakitangan.
2. Mengenal pasti tahap persepsi kemudahan laman web ULPL@polinilai dalam pengurusan maklumat latihan dan pembangunan kakitangan.

Kaedah Kajian

Pendekatan dan kaedah analisis diterangkan dalam secara terperinci di dalam metodologi kajian ini. Kajian ini dijalankan dalam tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan laman web dan fasa penilaian laman web. Pada fasa analisis keperluan, borang soal selidik diedarkan kepada pemegang taruh ULPL dalam mengenalpasti masalah dan keperluan laman web. Selain itu komponen keperluan juga dikenalpasti melalui bacaan jurnal, buku, laman web, dan bahan penyelidikan. Fasa kedua adalah fasa reka bentuk dan pembangunan laman web, Elemen-elemen laman web melalui dapatan analisis keperluan dan daripada kajian literatur dikenalpasti dan laman web dibangunkan mengikut elemen dikenalpasti. Fasa ketiga, pengesahan penerimaan pembangunan dan penggunaan laman web daripada pelanggan ULPL melalui Model Penerimaan Teknologi (TAM).

Kajian ini adalah berdasarkan sumber primer yang dijalankan ke atas pelanggan ULPL. Ia merupakan kajian tinjauan yang menggunakan teknik persampelan bertujuan. Sampel kajian ini tertumpu kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan di ULPL yang menggunakan laman web ULPL@Polinilai antara November 2023 hingga Mac 2024. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Dalam kajian ini, item telah diadaptasikan dari Model Penerimaan Teknologi (TAM) Davis (1989) dan Cheah et al. (2023), pengubahsuaian dibuat agar sesuai dengan tajuk dan memudahkan pemahaman responden. Instrumen kajian ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden, manakala Bahagian B merangkumi item yang mengukur tahap persepsi kebergunaan dan kemudahan penggunaan laman web ULPL@POLINILAI dalam pengurusan maklumat latihan dan pembangunan kakitangan. Skala soalan ukuran item bagi kedua-dua pembolehubah diukur mengikut skala Likert 4 mata seperti berikut; 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= setuju, dan 4 = sangat setuju.

Kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang dibina. Tahap pembolehubah persepsi kebergunaan dan persepsi kemudahan penggunaan mempunyai nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach 0.897 dan 0.831. Ini menunjukkan bahawa soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik kerana nilai Alpha Cronbach melebihi 0.7 dan ia boleh digunakan dalam kajian sebenar (Butts & Michels, 2006). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan aplikasi perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 25.0. Analisis ini hanya melibatkan statistik deskriptif; yang memberikan ringkasan keseluruhan set data yang diambil. Kaedah statistik mudah seperti kekerapan dan

peratusan digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Bagi tafsiran data kajian ini, ia adalah berdasarkan pengkelasan skala Likert 4 mata skor min Riduwan (2012) seperti Jadual 1 di bawah, yang merupakan penunjuk bagi setiap nilai purata skor min.

Jadual 1: Penafsiran Skor Min

Item	Penafsiran Tahap
1.00 – 1.50	Kurang kaitan
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.00	Tinggi

Dapatan Dan Perbincangan

Seramai 91 orang responden daripada pengguna perkhidmatan ULPL melalui laman web ULPL@Polinilai antara November 2023 hingga Mac 2024 telah mengisi soal selidik dengan lengkap. Daripada 91 orang responden tersebut, 72 (79.1%) orang responden terdiri daripada perempuan dan selebihnya 19 (20.9%) orang adalah lelaki. Responden terdiri daripada kumpulan pengurusan PNS, 14 orang (15.4%), pensyarah PNS, 43 orang (47.3%), kumpulan sokongan PNS, 10 orang (11.0%), pegawai latihan dan pendidikan lanjutan, 13 orang (14.3%), penyelarar latihan staf jabatan PNS, 4 orang (4.4%), dan lain-lain, 7 orang (7.7%). Secara ringkasnya demografi responden seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Demografi Responden

Item	Skor Min	Skor Purata Min	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	20.9	20.9
	Perempuan	79.1	79.1
Kategori Jawatan	Kumpulan Pengurusan PNS	15.4	15.4
	Pensyarah PNS	47.3	47.3
	Kumpulan Sokongan PNS	11.0	11.0
	Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan	14.3	14.3
	Penyelaras Latihan Staf Jabatan PNS	4.4	4.4
	Lain-lain	7.7	7.7
	SPM	6.6	6.6
	Diploma	6.6	6.6
Tahap Pendidikan	Sarjana Muda	26.4	26.4
	Sarjana	53.8	53.8
	PhD	6.6	6.6
	31 - 40 tahun	47.3	47.3
Umur	41 - 50 tahun	48.4	48.4
	> 50 tahun	4.4	4.4

Jadual 3 dibawah menunjukkan taburan analisis item persepsi kebergunaan laman web ULPL@POLINILAI. Hasil dapatan mendapati purata min bagi kesemua keenam item mencapai tahap yang tinggi iaitu nilai min 3.72. Item 6: Saya mendapati Laman web ULPL

sangat bermanfaat kepada saya, mendapat skor min tertinggi iaitu nilai min 3.78. Manakala item 5: Menggunakan Laman web ULPL akan memudahkan kerja saya mendapat skor min 3.76. Diikuti dengan item 1: Menggunakan Laman web ULPL dalam kerja saya akan membolehkan saya menyelesaikan tugas dengan lebih cepat memperoleh nilai skor min 3.75. Item 3: Menggunakan Laman web ULPL dalam kerja saya akan meningkatkan produktiviti saya memperoleh nilai min paling rendah iaitu 3.66. Dapatan menunjukkan persepsi kebergunaan laman web ULPL@POLINILAI sangat baik, ianya bersamaan dengan hasil dapatan Taufik & Hanafiah (2019) penggunaan laman web mempunyai kesan positif terhadap sikap terhadap penggunaan. Han & Sa (2022) dalam penyelidikannya melaporkan bahawa jika sesuatu teknologi baru mudah digunakan dan tidak mengambil masa yang lama untuk belajar, kecekapan pengguna sebenar akan meningkat. Dapatan ini sejajar dengan Renadie & Sharif (2019) yang mendapati terdapat beberapa faktor persepsi kebergunaan iaitu seperti memudahkan, berguna, menjimatkan masa, dapat memenuhi keperluan, dan meningkatkan kecekapan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi boleh dipertingkatkan dengan menjadikan perkhidmatan dalam talian mudah digunakan.

Jadual 3: Tahap Persepsi Kebergunaan Laman Web ULPL@polinilai

No	Item	Skor Min	Skor Purata Min	Penafsiran Tahap
1	Menggunakan Laman web ULPL dalam kerja saya akan membolehkan saya menyelesaikan tugas dengan lebih cepat	3.75		
2	Menggunakan Laman web ULPL akan meningkatkan prestasi kerja saya	3.70		
3	Menggunakan Laman web ULPL dalam kerja saya akan meningkatkan produktiviti saya	3.66	3.72	Tinggi
4	Menggunakan Laman web ULPL akan kerja saya lebih efektif	3.68		
5	Menggunakan Laman web ULPL akan memudahkan kerja saya	3.76		
6	Saya mendapati Laman web ULPL sangat bermanfaat kepada saya	3.78		

Jadual 4 menunjukkan taburan analisis item persepsi kemudahan laman web ULPL@POLINILAI. Hasil dapatan mendapati purata min bagi kesemua enam item mencapai tahap yang tinggi iaitu nilai min 3.69. Item 6: Saya mendapati Laman web ULPL mudah digunakan. mencapai skor min tertinggi iaitu nilai min 3.80. Item 3: Informasi Laman web ULPL jelas dan mudah difahami memperoleh skor min 3.71. Dengan nilai skor min paling rendah iaitu skor min 3.63 menunjukkan belajar mengendalikan Laman web ULPL mudah untuk saya melalui item 1 dan pada item 5: Mudah untuk saya menjadi mahir menggunakan laman web ULPL. Dapatan bagi pemboleh ubah persepsi kemudahan laman web ULPL@POLINILAI pada tahap tinggi. Renadie & Sharif (2019) mengatakan bahawa beberapa faktor mempengaruhi persepsi kemudahan termasuk, mudah difahami, mudah digunakan,

gangguan yang minimum, dan akses mudah. Dapatan ini bersamaan dapatan daripada Han & Sa (2022) mendapati bahawa penemuannya mendedahkan kepuasan pengguna meningkat jika mereka boleh mendapatkan keperluan yang diinginkan dengan mudah. Pelaksanaan pengurusan latihan dan pembangunan juga dicadangkan oleh Arifin (2019) menggunakan model pakai web 2.0 yang membolehkan pengguna akses dengan mudah kepada latihan sumber dan interaksi dengan pengajar atau lain-lain pekerja.

Jadual 4: Tahap Persepsi Kemudahan Laman Web ULPL@polinilai

No	Item	Skor Min	Skor Purata Min	Penafsiran Tahap
1	Belajar mengendalikan Laman web ULPL mudah untuk saya.	3.63		
2	Saya mendapati mudah mencari maklumat yang diperlukan dalam Laman web ULPL.	3.69		
3	Informasi Laman web ULPL jelas dan mudah difahami.	3.71		
4	Saya mendapati Laman web ULPL adalah fleksibel untuk berinteraksi.	3.70	3.69	Tinggi
5	Mudah untuk saya menjadi mahir menggunakan Laman web ULPL.	3.63		
6	Saya mendapati Laman web ULPL mudah diggunakan.	3.80		

Kesimpulan

Model Penerimaan Teknologi (TAM) digunakan dalam kajian ini untuk menilai keberkesanan menunjukkan laman web ULPL@POLINILAI di dalam pengurusan maklumat latihan dan pembangunan pengurusan kakitangan. Daripada dapatan analisis keberkesanan menunjukkan dapatan yang diperolehi, responden menunjukkan min pada tahap tinggi ke atas persepsi kebergunaan dan kemahiran menggunakan laman web ULPL@POLINILAI. Peralihan daripada sistem manual kepada platform berasaskan laman web telah memberi kesan dalam mengurus latihan kakitangan, fasiliti tempahan, dan komunikasi seperti yang dibuktikan oleh penerimaan pengguna yang positif terhadap dapatan yang diperolehi. Dengan menyediakan maklumat latihan yang komprehensif, sistem tempahan yang lancar dan memberikan komunikasi dua hala dengan mudah, laman web akan dianggap sangat berguna. Pendekatan ini dapat memastikan laman web memenuhi keperluan fungsi dan sejajar dengan jangkaan pengguna, yang membawa kepada kepuasan pengguna yang lebih tinggi dan penggunaan sistem pengurusan latihan dan pembangunan kakitangan yang berjaya. Secara kesimpulannya kajian ini telah mencapai objektif untuk mengenalpasti tahap persepsi kegunaan dan kemudahan laman web ULPL@polinilai dalam pengurusan maklumat latihan dan pembangunan kakitangan. Dapatan juga menunjukkan laman web ini berguna, mudah dan membantu pelanggan ULPL,PNS.

Penghargaan

Alhamdulillah. Bersyukur ke hadrat illahi, di atas limpah dan kurniaNya kami dapat menyiapkan kajian ini. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang

tidak terhingga kepada pasukan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) Politeknik Nilai dalam memberikan kerjasama yang tidak terhingga dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan kajian ini. Selain itu juga kepada pelanggan perkhidmatan ULPL yang membantu dalam menjawab serta menguji laman web ULPL@PNS dan memberikan maklumbalas untuk kajian kami. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kajian saya ini dapat dijadikan rujukan kepada penyelidik lain.

Rujukan

- Ab Ghani, N. S., Kassim, M., & Awang, A. H. (2020). Web design structure with wordpress content management for sports centre booking system. *Indonesian Journal of Electrical Engineering and Computer Science*, 19(3), 1643–1653. <https://doi.org/10.11591/ijeecs.v19.i3.pp1643-1653>
- Afridah, & Muhlisah Lubis. (2024). The Role of Communication and Employee Engagement in Promoting Inclusion in the Workplace: A Case Study in the Creative Industry. *Feedback International Journal of Communication*, 1(1), 1–15. <https://doi.org/10.62569/fijc.v1i1.8>
- Agustian, K., Pohan, A., Zen, A., Wiwin, W., & Malik, A. J. (2023). Human Resource Management Strategies in Achieving Competitive Advantage in Business Administration. *Journal of Contemporary Administration and Management (ADMAN)*, 1(2), 108–117. <https://doi.org/10.61100/adman.v1i2.53>
- Butts, M. M., & Michels, L. C. (2006). The sources of four commonly reported cutoff criteria: What did they really say? *Organizational Research Methods*, 9(2), 202–220. <https://doi.org/10.1177/1094428105284919>
- Cheah, W. H., Mat Jusoh, N., Aung, M. M. T., Ab Ghani, A., & Mohd Amin Rebutan, H. (2023). Mobile Technology in Medicine: Development and Validation of an Adapted System Usability Scale (SUS) Questionnaire and Modified Technology Acceptance Model (TAM) to Evaluate User Experience and Acceptability of a Mobile Application in MRI Safety Screening. *Indian Journal of Radiology and Imaging*, 33(1), 36–45. <https://doi.org/10.1055/s-0042-1758198>
- Davis, F. D. (1989). 249008. *Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use and User Acceptance of Information Technology*, 13(3), 1–23.
- Foris, D., Crihalmean, N., & Foris, T. (2020). Exploring the environmental practices in hospitality through booking websites and online tourist reviews. *Sustainability (Switzerland)*, 12(24), 1–18. <https://doi.org/10.3390/su122410282>
- Guterman, A. S. (n.d.). Training and Development Sustainable Impact Entrepreneurship Project. <http://managementhelp.org/training/basics/reasons-for-training.htm>
- Han, J. H., & Sa, H. J. (2022a). Acceptance of and satisfaction with online educational classes through the technology acceptance model (TAM): the COVID-19 situation in Korea. In *Asia Pacific Education Review* (Vol. 23, Issue 3, pp. 403–415). Springer Science and Business Media B.V. <https://doi.org/10.1007/s12564-021-09716-7>
- Han, J. H., & Sa, H. J. (2022b). Acceptance of and satisfaction with online educational classes through the technology acceptance model (TAM): the COVID-19 situation in Korea. In *Asia Pacific Education Review* (Vol. 23, Issue 3, pp. 403–415). Springer Science and Business Media B.V. <https://doi.org/10.1007/s12564-021-09716-7>
- Huang, Y.-T. (2020). Internal marketing and internal customer: A review, reconceptualization, and extension. *Journal of Relationship Marketing*, 19(3), 165–181.

- Namdev, A., Pande, R., & Viswarajan, P. (2021). Automated Appointment Booking System via Voice Recognition. In *International Journal of Creative Research Thoughts* (Vol. 9). www.ijcrt.org
- Niati, D. R., Siregar, Z. M. E., & Prayoga, Y. (2021). The Effect of Training on Work Performance and Career Development: The Role of Motivation as Intervening Variable. *Budapest International Research and Critics Institute (BIRCI-Journal): Humanities and Social Sciences*, 4(2), 2385–2393. <https://doi.org/10.33258/birci.v4i2.1940>
- Oyewole Oluwaseun, O. (2020). EMPLOYEE TRAINING AND DEVELOPMENT AS A MODEL FOR ORGANIZATIONAL SUCCESS. *International Journal of Engineering Technologies and Management Research*, 5(3), 181–189. <https://doi.org/10.29121/ijetmr.v5.i3.2018.190>
- Renadie, A. S. P., & Sharif, O. O. (2019). Analisis Adopsi Situs Airbnb Menggunakan Technology Acceptance Model (TAM). *Jurnal Manajemen Dan Bisnis*, 3(1), 134–144.
- Serevina, V., & Meyputri, C. U. (2021). Development of blended learning based on website on fluid mechanic material to improve students' creative thinking skills. *Journal of Physics: Conference Series*, 1876(1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1876/1/012070>
- Taufik, N., & Hanafiah, M. H. (2019). Airport passengers' adoption behaviour towards self-check-in Kiosk Services: the roles of perceived ease of use, perceived usefulness and need for human interaction. *Heliyon*, 5(12). <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2019.e02960>
- Widanengsih, E., Banten No, J., Karawang, K., & Barat, J. (2021). Technology Acceptance Model To Measure Customer'S Interest To Use Mobile Banking. *Journal of Industrial Engineering & Management Research*, 2(1), 2722–8878.
- Zadeh, A., Zolbanin, H. M., & Sengupta, A. (2020). Enhancing ERP Learning Outcomes through Microsoft Dynamics. In *Article in Journal of Information Systems Education*. <http://jise.org/Volume31/n2/JISEv31n2p83.html>
- Zhang, J., & Chen, Z. (2024). Exploring Human Resource Management Digital Transformation in the Digital Age. *Journal of the Knowledge Economy*, 15(1), 1482–1498. <https://doi.org/10.1007/s13132-023-01214-y>